

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 07 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 20

Elaun kritikal bomba wajar diperuntuk dalam belanjawan

Kuala Lumpur: Elaun kritikal bagi setiap anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) wajar diperuntukkan dalam Belanjawan 2020, seiring cabaran, bidang tugas yang pelbagai dan risiko pekerjaan berkenaan.

Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata ramai belum memahami kesukaran tugas anggota JBPM yang menggalas pelbagai kerja, termasuk menyelamatkan, memadam kebakaran, penyaluran bantuan kemanusiaan dan menjadi 'wira' hidupan liar serta haiwan peliharaan.

"Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sendiri berkenan menyatakan keprihatinan baginda terhadap keperluan meningkatkan kebajikan anggota bomba, selain menyediakan elaun kritikal.

"Memandangkan Belanjawan 2020 dijangka dibentangkan pada 11 Oktober ini, saya berharap masih ada masa untuk kerajaan menimbang semula cadangan meningkatkan kebajikan kakitangan JBPM, termasuk meluluskan elaun kritikal kepada mereka.

"Oleh kerana elaun kritikal tidak dapat diberikan tahun ini, diharap kerajaan dapat memasukkannya bersama cadangan kenaikan gaji bagi anggota JBPM dalam belanjawan tahun hadapan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Berdasarkan beberapa laporan media, Lam Thye berkata, RM18 juta diperlukan untuk menampung pembiayaan elaun kritikal kepada anggota JBPM pada kadar bulanan RM200 seorang.

Katanya, cadangan bagi meningkatkan kebajikan anggota bomba perlu disokong semua pihak kerana tugas mereka kini lebih mencabar seperti agensi lain, malah peruntukan elaun berkenaan bakal memberi manfaat kepada lebih 14,000 warga JBPM di seluruh negara.

"JBPM juga bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang berkaitan keselamatan dan pencegahan kebakaran serta menyediakan perkhidmatan bantuan kemanusiaan yang cekap dan berkesan.

"Oleh itu, peruntukan mencukupi harus diberikan kepada JBPM bagi membeli jentera dan kelengkapan canggil, manakala peralatan perlindungan diri terkini perlu disediakan kepada mereka.

"Saya berharap usaha berterusan dapat dilakukan untuk membaiki tempat kerja dan perumahan anggota bomba serta keluarga mereka supaya kakitangan JBPM berupaya memberi tumpuan kepada kerja," katanya.

+